



# *FINGERTEC*



Face ID 4

## ***Panduan Mula Pantas***



## PENDAFTARAN WAJAH

- 1 Sejajarkan posisi mata anda untuk kelihatan di kawasan ini.
- 2 Bar kemajuan bagi menunjukkan kemajuan proses pendaftaran wajah.
- 3 Bar status bagi menunjukkan kualiti imej yang dirakam; semakin tinggi nombornya menunjukkan imej yang lebih baik.



## MOD PENGESAHAN

- 1 Sejajarkan posisi anda agar wajah anda kelihatan pada ruang ini.
- 2 Bar status bagi menunjukkan kualiti imej yang dirakam; semakin tinggi nombornya menunjukkan imej yang lebih baik.



## MOD PENGESAHAN BERJAYA

Sistem akan memaparkan foto anda, ID Pengguna dan nama setelah mengesahkan identiti anda.

# Panduan Mula Pantas

Panduan Mula Pantas ini adalah bertujuan bagi menyediakan pengguna dengan langkah-langkah mudah bagi menetapkan tarikh/masa dan komunikasi terminal serta bagi melaksanakan pendaftaran dan pengesahan wajah. Bagi maklumat yang lebih lanjut mengenai topik-topik yang lain berkenaan pengurusan terminal, sila rujuk kepada manual pengguna bagi perkakasan terminal yang terdapat di dalam pakej atau melalui atas talian di

- <http://info.fingertec.com/faceid4-4>

## 1 Menetapkan Tarikh dan Masa

1. Tekan **Menu**, pilih **Tarikh/Masa** dan tetapkan nilainya.
2. Anda mempunyai 2 pilihan bagi format masa, format 12-jam atau 24-jam

## 2 Mendaftarkan Wajah

*Sila rujuk kepada manual pengguna*

1. Tekan **Menu** dan pilih **Pengguna**.
2. Masukkan **ID Pengguna** anda dan pilih **Wajah**.
3. Ikuti arahan dan sejajarkan posisi mata anda pada kotak segi empat berwarna hijau pada skrin bagi mendaftarkan wajah anda.
4. Apabila proses pendaftaran selesai, pilih aras **Keistimewaan** yang bersesuaian dan tekan **Simpan**.

## 3 Tetapan Komunikasi

**Bagi memasukkan alamat IP:** Tekan Menu > Sambungan > Sambungan > IP Addr > Masukkan alamat IP.

**Bagi memasukkan Subnet mask:** Tekan Menu > Sambungan > Sambungan > Netmask > Masukkan nombornya.

**Bagi memasukkan Gateway:** Tekan Menu > Sambungan > Sambungan > Gateway > Masukkan nombornya.

**3**

## Mengaktifkan Terminal pada Perisian TCMS V2



1. Klik dua kali pada ikon perisian TCMS V2.
2. Klik pada **Peranti** dan klik dua kali **Tetapan Terminal FingerTec**.
3. Klik **Tambah** dan masukkan Kunci Produk TCMS V2 anda - Rujuk kepada bahagian belakang DVD.
4. Pilih terminal di bawah **Model**.
5. Masukkan **ID Peranti** dan **Alamat IP** ke dalam kolom.
6. Padam tanda di kolom kotak **Gagal**.
7. Tunggu sebentar untuk perisian berhubung dengan terminal.
8. Masukkan Kunci Pengaktifan anda dan klik **OK**.

**4**


## Memuat turun Pengguna dan Data daripada Terminal

1. Klik **Peranti** dan klik dua kali **Pengurusan Pekerja**.
2. Klik **Muat Turun Pekerja**.
3. Pada kolom ID, pilih **Semua**.
4. Pada Data Terpilih tandakan pada kotak tanda berikut: Wajah, ID Kad, Nama pengguna + Keistimewaan + Kata laluan.
5. Klik **Gunapakai** dan **Simpan Pekerja**.
6. Klik **Peranti** dan klik dua kali **Muat turun Data Daripada Terminal**.
7. Klik **Gunapakai** untuk mula memuat turun.

**5**

## Menjana Laporan

1. Klik pada Ikon **Laporan**.
2. Pilih jenis laporan **Kad Masa Elektronik**.
3. Pilih **Julat Tarikh** laporan.
4. Klik **Pratonton** dan **Cetak**.



# Peta laluan TCMS V2 FingerTec



## 1 Tetapan Mula Perisian

Penginstal perisian TCMS V2 disimpan di dalam DVD FingerTec yang didaftarkan bersama kesemua terminal FingerTec.

## 2 Pengurusan Terminal FingerTec

Sambungkan terminal FingerTec anda kepada TCMS V2 melalui pengaktifan terminal atas talian dengan menggunakan Kunci Produk yang dicetak pada pelekat lesen. Sila hubungi wakil penjual tempatan anda ataupun [support@fingertec.com](mailto:support@fingertec.com) sekiranya tiada sambungan Internet.



Kunci Produk

Nombor Siri

## 3 Sistem Gambaran Keseluruhan

### Pengurusan Pengguna

Tambah, padam, edit dan urus maklumat pengguna serta log-log transaksi.

### Tetapan Pengiraan Kehadiran

Peraturan kedatangan dan formula pengiraan mestilah telah ditetapkan bagi mendapatkan laporan-laporan kehadiran yang tepat.

### Muat turun kehadiran rekod daripada terminal

Dapatkan semula log-log transaksi yang disimpan di dalam terminal ke dalam pelayan.

### Periksa dan edit rekod-rekod kehadiran

Semak rekod-rekod dan edit / masukkan / periksa untuk rekod yang hilang.

### Menjana laporan-laporan kehadiran

Menjana laporan-laporan yang profesional dan teliti untuk analisis.

### Eksport rekod-rekod kehadiran untuk gaji ataupun perisian pihak ketiga

Integrasikan rekod-rekod kehadiran yang diambil daripada terminal FingerTec dengan perisian/gaji pihak ketiga yang relevan.

*Kesemua panduan pengguna bagi perkakasan dan perisian adalah tersedia di dalam DVD FingerTec dan boleh dimuat turun di <http://user.fingertec.com>*